

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HKN 501 – Karya-karya Terpilih dari Kesusasteraan Nusantara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **DUA [2]** bahagian iaitu **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**. Jawab **DUA [2]** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **DUA [2]** soalan dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A

1. Konsep “Idea of the Book” (Koster) dan “Idea of the Canon” (Braginsky) merujuk kepada hukum pengawalan, penciptaan dan pemaknaan karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional. Huraikan konsep-konsep tersebut dan perlihatkan bagaimana hukum-hukum ini mengkategorikan kesusasteraan Melayu tradisional. Berdasarkan beberapa contoh teks, huraikan ciri-ciri karya yang ditafsirkan sebagai “baik” dan “buruk”.
2. Idealisme istana dan tuntutan moral menjadikan karya-karya annal sebagai karya sintesis yang baik. Dengan merujuk kepada pensejarahan kesusasteraan Melayu Abad Pertengahan, bincangkan karya annal sebagai karya sintesis, dan dengan bercontoh, perlihatkan bagaimana tuntutan moral telah menjadikan karya tersebut sebuah karya yang disebut sebagai historiosofi.
3. Sebagai sebuah karya simbolik, *Syair Raja Tedung dengan Raja Katak* menawarkan beberapa lapis tafsiran. Di antaranya, ia boleh dibaca sebagai sebuah “komedi kelupaan” yang melucukan dan sebuah satira politik yang tajam dan serius. Bincangkan.

4. "Dalam sastera Melayu tradisional, sama juga dengan tradisi-tradisi kesusasteraan lain...gagasan 'dunia terbalik' merupakan motif yang lumrah" (Koster).

Karya-karya Abdullah Munshi adalah satu contoh yang menarik tentang penggunaan motif ini. Bincangkan dalam konteks karya-karya Abdullah sebagai "pemecah" kepada "The Book of Tradition".

BAHAGIAN B

5. Shahnon Ahmad telah menggunakan daya imaginasi dan kreatif yang tinggi untuk melahirkan **Ranjau Sepanjang Jalan** sehingga menjadikan ia sebuah novel besar yang menarik. Bincangkan pernyataan itu berdasarkan contoh-contoh yang sesuai.
6. Berdasarkan cerpen "Dilarang Mencintai Bunga-bunga", karya Kuntowijoyo dan cerpen "Nusia" karya Mana Sikana, bandingkan bagaimana pokok pemikiran yang diungkap oleh pengarang-pengarang berkenaan dapat dianggap sebagai karya-karya yang bermutu.
7. Berdasarkan sajak "Pulang Si Tanggang" nukilan Muhammad Haji Salleh dan sajak "Si Anak Hilang" karya Sitor Situmorang kaji dan kemukakan pandangan anda tentang keberkesanan idea manusia perantau yang hilang jati diri dan tradisi bangsanya.
8. Putu Wijaya menyindir usaha manusia yang berusaha terus menerus untuk mencari, menemukan dan memahami diri sendiri. Apa yang disindirnya merupakan suatu kenyataan yang paradoks; sementara manusia harus senantiasa menemukan identitas dirinya, ia sepenuhnya menyadari dianggap absurd, konyol.

(Sapardi Djoko Damono)

Bincangkan pernyataan Sapardi itu berdasarkan novel **Kroco** karya Putu Wijaya.